




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI RABU: 11 NOVEMBER 2009

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, 4, 10 HINGGA 39)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3, 5 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan atau GLC bagi melancarkan dan mempromosikan Konsep 1Malaysia; dan
- (b) nyatakan jumlah dan punca peruntukan Kerajaan dalam program ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha Kerajaan untuk menyebarkan Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, kepada rakyat di semua peringkat, Kerajaan telah merancang

pelbagai aktiviti bagi mempromosikan konsep tersebut menerusi pelaksanaan Program Penghayatan 1Malaysia di mana Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bertindak sebagai peneraju utama.

Program Penghayatan 1Malaysia ini akan dilaksanakan secara bersepadu dengan semua Kementerian, Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan sektor swasta mulai tahun 2009 dan akan berterusan sehingga 2012. Di bawah program tersebut, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah meliputi aktiviti komunikasi bersemuka, aktiviti merakyatkan seni budaya dan aktiviti-aktiviti menerusi media massa. Di samping itu, aktiviti berbentuk mesra rakyat akan dapat memupuk dan mengeratkan hubungan antara pemimpin dan rakyat di mana ia dapat memberi ruang untuk rakyat menyuarakan rasa hati selaras dengan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Objektif utama aktiviti-aktiviti di bawah program tersebut ialah untuk meningkatkan kefahaman, penghayatan dan sokongan rakyat terhadap 1Malaysia ke arah membina negara bangsa yang bersatu padu dan mengamalkan Lapan (8) Nilai 1Malaysia iaitu:

- a) Budaya Berprestasi Tinggi;
- b) Budaya Ketepatan;
- c) Budaya Ilmu;
- d) Integriti;
- e) Ketabahan;

- f) Kesetiaan;
- g) Kebijaksanaan; dan
- h) Budaya Inovasi.

Selaras dengan itu, pelancaran Logo dan Lagu 1Malaysia peringkat kebangsaan telah disempurnakan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 27 Jun 2009 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur manakala pelancaran di peringkat negeri akan dilaksanakan secara berperingkat dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dirancang akan berterusan sehingga tahun 2012.

Tuan Yang Dipertua,

Sehubungan itu juga, Kerajaan tidak memperuntukkan sebarang peruntukan khas bagi menjayakan aktiviti mempromosi dan publisiti Program 1Malaysia. Jabatan Penerangan Malaysia bersama-sama lain-lain Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian ini akan dan terus menggembelngkan usaha bagi menjayakan Program Penghayatan 1Malaysia berasaskan kepada peruntukan sedia ada. Sehingga tarikh 30 September 2009, jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi mempromosi Gagasan 1Malaysia yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Penerangan ialah sebanyak RM2,533,971.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 2267

SOALAN:

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya semasa Ops Sikap untuk hari perayaan setiap tahun mulai 2005-2009.

Ke-9	Hari Raya	27/10/2005 hingga 10/11/2005	233
Ke-10	Tahun Baru Cina	23/01/2006 hingga 06/02/2006	226
Ke-11	Hari Raya	17/10/2006 hingga 31/10/2006	228
Ke-12	Tahun Baru Cina	11/02/2007 hingga 25/02/2007	207
Ke-13	Hari Raya	07/10/2007 hingga 21/10/2007	225
Ke-14	Deepavali	06/11/2007 hingga 12/11/2007	91
Ke-15	Krismas	19/12/2007 hingga 02/01/2008	208
Ke-16	Tahun Baru Cina	31/01/2008 hingga 14/02/2008	190
Ke-17	Hari Raya	24/09/2008 hingga 08/10/2008	208
Ke-18	Deepavali	24/10/2008 hingga 29/10/2008	95
Ke-19	Tahun Baru Cina	19/01/2009 hingga 02/02/2009	212

Ke-20	Hari Raya	13/09/2009 hingga 27/09/2009	265
-------	-----------	---------------------------------	-----

Tuan Yang Dipertua,

Meskipun segala usaha seperti penguatkuasaan undang-undang telah dipergiatkan oleh pihak berkuasa, sikap pengguna jalan raya masih tidak berubah di mana kadar pelanggaran undang-undang lalulintas didapati masih berlaku secara meluas. Ini boleh dilihat daripada jumlah saman yang dikeluarkan semakin bertambah setiap kali operasi. Memandu laju, sikap tidak berhemah dan kecuaiian pemandu didapati antara faktor yang telah menyumbang kepada 71% punca kemalangan yang menyebabkan kematian dalam kemalangan jalan raya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN)
TARIKH : 11 NOVEMBER 2009 (RABU)
SOALAN :

Y.B. Tuan John a/l Fernandez (Seremban) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan dengan perincian berdasarkan kaum dan jantina:

- (a) jumlah permohonan Bantuan Kebajikan yang diterima di Kawasan Parlimen Seremban (P:128) dari 1 Januari 2008 sehingga 30 Jun 2009 bagi warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal; dan
- (b) peratusan permohonan yang diluluskan dan yang tidak diluluskan serta alasannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan beberapa skim bantuan yang bersesuaian kepada kumpulan sasar bagi membantu meringankan beban mereka buat tempoh sementara sehingga mereka dapat dibangunkan untuk hidup berdikari. Bantuan yang dipertimbangkan untuk warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal ialah Bantuan Orang Tua (BOT), Elaun Pekerja

Cacat (EPC), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT) , Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB), Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dan Bantuan Am (BA).

Jumlah permohonan bantuan kebajikan yang diterima di Kawasan Parlimen Seremban dari 1 Januari 2008 sehingga 30 Jun 2009 bagi warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal adalah seperti berikut:

JENIS BANTUAN	BILANGAN PEMOHON
Ibu Tunggal	511
Warga Emas	265
OKU	208
JUMLAH	984

Tuan Yang di-Pertua

(b) Permohonan bantuan kebajikan yang diluluskan oleh JKM bagi Kawasan Parlimen Seremban ialah sebanyak 84.45 peratus (831 kes) manakala permohonan yang tidak diluluskan adalah sebanyak 15.55 peratus (153 kes). Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan-permohonan yang tidak diluluskan/dipertimbangkan adalah terdiri daripada permohonan yang tidak menepati atau memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan. Antaranya termasuklah:

i) Pemohon bukan terdiri daripada warga negara Malaysia dan tidak bermastautin di Malaysia;

- ii) Pendapatan keluarga melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan;
- iii) Pemohon masih muda dan produktif; dan
- iv) Pemohon mempunyai anak-anak yang mampu menyara / membantu pemohon dari segi kewangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK TIONG THAI KING
(LANANG)
TARIKH : 11.11.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK TIONG THAI KING [LANANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) keberkesanan sekolah bestari sejak pelaksanaannya; dan
- (b) bilangan sekolah bestari yang telah mencapai matlamat yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Sejak dari tahun 1999 sehingga sekarang, pelbagai perubahan dapat dilihat sebagai kesan daripada pelaksanaan Sekolah Bestari. Antara yang jelas dapat dilihat adalah wujudnya budaya penggunaan ICT di semua 88 Sekolah Bestari. Sehingga September 2009, tahap penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Bestari telah meningkat kepada 89%. Kebanyakan guru menggunakan pelbagai alat dan bahan bantu mengajar berteraskan ICT seperti perisian kursus pendidikan dalam bentuk CD-Rom, e-Bahan (berasaskan web), Papan Putih Interaktif (IWB) dan Komputer 1:1 di bawah projek bersama Intel. Penggunaan ICT dalam P & P menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan menyeronokkan (*joyful learning*).

Dalam bidang pengurusan dan pentadbiran pula, kesemua 88 Sekolah Bestari menggunakan sistem aplikasi berteraskan ICT dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Mulai Jun hingga 3 Julai 2009, sebanyak 22 modul di bawah Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) telah dipasang di Sekolah Bestari. Antara modul-modul berkenaan adalah Pengurusan Maklumat Sekolah, Pengurusan Maklumat Murid, Pengurusan Laporan, Rancangan Mengajar, Pengurusan Kehadiran serta Jadual Waktu, Pengurusan Disiplin dan sebagainya.

- (b) Dalam usaha untuk menilai pencapaian Sekolah Bestari secara keseluruhan, KPM telah melaksanakan penilaian berdasarkan *Smart School Qualification Standard (SSQS)* yang memberi penekanan kepada 4 aspek iaitu penggunaan ICT dalam proses P & P – 40%; aplikasi ICT – 10%; modal insan – 40%; dan infrastruktur teknologi – 10%. Berdasarkan instrument SSQS, Sekolah-Sekolah Bestari telah dinilai pencapaiannya dan diberi penarafan berdasarkan bintang seperti berikut;

- 1 bintang – kurang daripada 20%
- 2 bintang – 20 – 40 %
- 3 bintang – 40 – 60 %
- 4 bintang – 60 – 80 %
- 5 bintang – 80 % ke atas.

Sehingga September 2009, pencapaian 88 Sekolah Bestari adalah seperti berikut :

- 5 bintang – 77 sekolah
- 4 bintang – 9 sekolah
- 3 bintang – 2 sekolah
- 2 bintang – tiada
- 1 bintang – tiada

KPM terus mengadakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pencapaian sekolah-sekolah ini di mana sekolah yang mencapai 3 bintang dilaksanakan beberapa program untuk dimensi tertentu untuk meningkatkan pencapaian penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

SOALAN NO. (12)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)
TARIKH : 11 NOVEMBER 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada terdapat kemungkinan untuk meningkatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk pelbagai Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) di Sabah dan jika diluluskan, apakah peningkatannya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMK-9, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperuntukan sebanyak RM600 ribu setahun untuk setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Mulai tahun 2009, KPKT telah menambahkan peruntukan sebanyak 100% iaitu daripada RM600 ribu kepada RM 1.2 juta setahun untuk setiap PBT di negeri Sabah.

Mulai tahun 2010 juga, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini akan mula menyalurkan geran tahunan yang berjumlah RM 34.5 juta kepada PBT-PBT di negeri Sabah.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2009

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN TAN AH ENG

TARIKH: 11 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Y.B. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah untuk mengatasi masalah pekilang yang kekurangan pekerja tempatan susulan tindakan Kerajaan untuk tidak membenarkan mengupah pekerja asing; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mewujudkan sebuah jawatankuasa bertindak untuk pemantauan dan kaji semula supaya kekurangan tenaga mahir tidak berulang lagi.

PR-1223-L33283

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mempunyai dasar yang jelas untuk memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Ketika negara menghadapi krisis ekonomi, Kerajaan telah mengambil langkah untuk membekukan kemasukan pekerja asing bagi sektor tertentu supaya peluang pekerjaan untuk pekerja tempatan tidak terjejas.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedia memberi kelonggaran pembekuan pengambilan pekerja asing bagi sektor industri pembuatan seperti sub-sektor elektrik dan elektronik,

tekstil, perabot, sarung tangan (*rubber glove*) dan plastik supaya industri tersebut dapat terus beroperasi dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Dalam masa yang sama bagi mengatasi kekurangan pekerja tersebut, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- Mendapatkan kerjasama majikan supaya meningkatkan kadar gaji pokok pekerja dan beberapa buah syarikat telahpun mengambil inisiatif menaikkan gaji pokok pekerja mereka. Dengan peningkatan kadar upah ini akan dapat menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja dan kekal dalam industri tersebut;
- Menggalakkan peningkatan penggunaan teknologi berautomasi oleh majikan-majikan bagi mengurangkan proses kerja yang berintensifkan buruh;
- Membantu majikan mendapatkan calon pekerja melalui portal JobsMalaysia;
- Bagi majikan yang memerlukan jumlah pekerja yang ramai, Kementerian Sumber Manusia akan membantu mereka dengan mengadakan Program Penempatan Pekerjaan di premis mereka.

Pada masa ini, Kerajaan sedang meneliti keperluan sebenar guna tenaga di sektor-sektor berkenaan bagi memastikan aktiviti di sektor-sektor berkenaan tidak terjejas akibat daripada kekurangan tenaga kerja.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan masalah kekurangan tenaga mahir tidak berulang, Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi menentukan hala tuju, dasar, strategi dan program pembangunan

modal insan yang lebih menyeluruh dan bersepadu ke arah melahirkan tenaga kerja yang berilmu, berkemahiran, kreatif, inovatif, kompeten, produktif dan berintegriti yang berupaya meningkatkan daya saing negara, memacu dan membawa transformasi pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi bertepatan dengan Wawasan 2020 dan gagasan 1 Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Y.A.B Perdana Menteri pada 2 Mei 2008 telah melancarkan Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020 untuk dijadikan asas dan hala tuju kepada aktiviti pembangunan dan penyediaan program latihan kemahiran di negara ini menjelang tahun 2020. Program latihan kemahiran yang berasaskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bagi melatih dan melahirkan tenaga kerja mahir negara bagi memenuhi keperluan industri.

SOALAN NO. (14)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah KPI Kementerian di dalam menangani masalah sampah pepejal dan apakah Kementerian bercadang untuk menggubal apa-apa akta baru bagi menangani masalah pelupusan sampah pepejal yang semakin meruncing di kawasan-kawasan bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum lagi menggariskan *Key Performance Indicator (KPI)* mengenai pengurusan sisa pepejal. Namun begitu, salah satu teras KPI KPKT adalah meningkatkan tahap infrastruktur pengurusan sisa pepejal di kawasan bandar. Selain itu, KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah merangka KPI Strategik bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta menyediakan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang mesra alam, berteknologi tinggi, kos efektif dan menambahbaik kemudahan yang sedia ada. KPI strategik tersebut antara lain meliputi perjanjian konsesi, pelantikan kontraktor dan perunding bagi projek-projek penutupan selamat dan menaik taraf tapak pelupusan, pembinaan tapak pelupusan baru dan penilaian teknologi serta KPI bagi aktiviti-aktiviti kesedaran awam dan aduan awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyediakan KPI yang sesuai bagi mengukur prestasi perkhidmatan syarikat konsesi yang akan dilantik bagi melaksanakan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah diwartakan pada 17 Julai 2007 meliputi semua aspek pengurusan sisa pepejal termasuk pelupusan, pemusnahan, penunuan, pelonggokan atau pengkomposan. Kementerian buat masa ini tidak berhasrat untuk menggubal apa-apa akta baru memandangkan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) masih belum dikuatkuasakan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
(ALOR GAJAH)
TARIKH : 11.11.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pihak Kementerian akan menerima sekolah-sekolah bantuan modal seperti Sekolah Agama, SJK (C), SJK (T) dan Sekolah Mubaligh sebagai sekolah aliran utama dengan tafsiran sebagai sekolah bantuan penuh supaya Kerajaan boleh diiktiraf sebagai Kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab penuh untuk pendidikan anak-anak kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Akta Pendidikan 1996 dengan jelas menerangkan status sesebuah sekolah. Dalam hal ini, Kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil tanah tapak sekolah yang bukan kepunyaan kerajaan melainkan pemilik tanah tersebut secara sukarela menyerahkannya kepada kerajaan. Di samping itu, banyak aspek lain perlu diberikan perhatian terhadap dasar mengambil alih sekolah berkenaan seperti persetujuan semua ibu bapa, lembaga pengelola dan PIBG; proses pengambilalihan tanah; penyediaan tapak dan pemilihan lokasi yang sesuai; serta kos pembinaan infrastruktur. Perkara yang lebih utama dalam hal ini adalah kemampuan kewangan kerajaan untuk melaksanakan semua perkara-perkara tersebut. Perlu dijelaskan bahawa masih banyak sekolah kerajaan khususnya di luar bandar dan pedalaman sangat memerlukan perhatian khususnya dari segi pembangunan dan kemudahan fizikal.

Namun, sekolah-sekolah bantuan kerajaan seperti Sekolah Agama, SJK (C), SJK (T) dan Sekolah Mubaligh seperti yang dibangkitkan tidak pernah diabaikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan bantuan penuh kepada sekolah bantuan kerajaan meliputi peruntukan mengurus yang merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan per kapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sumbangan ini diberikan **secara sama rata** kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut.

Rjm 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH

TARIKH: 11 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Y.B. Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengesahkan Konvensyen ILO 87 yang menjamin hak menyusun dan berunding bersama kepada pekerja dan sekiranya tidak, kenapa.

PR-1223-L34702

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk meratifikasi Konvensyen ILO 87 kerana ia bertentangan dengan kepentingan Negara pada masa ini. Ini kerana Konvensyen ILO 87 menetapkan pihak pekerja dan majikan berhak menubuh dan menganggotai kesatuan mengikut pilihan masing-masing tanpa campur tangan pihak berkuasa. Ini bererti seseorang pekerja boleh menganggotai mana-mana kesatuan sekerja yang tidak berkaitan dengan bidang pekerjaannya dan tidak perlu berdaftar dengan pihak berkuasa. Kesatuan juga bebas menubuh dan menganggotai mana-mana gabungan kesatuan sekerja sama ada dalam negara atau di peringkat antarabangsa.

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Akta Kesatuan Sekerja 1959 menetapkan kesatuan sekerja hanya boleh ditubuhkan berdasarkan *establishment, trade, occupation or industry* dan perlu berdaftar dengan pihak berkuasa. Manakala Akta Perhubungan Perusahaan 1967, tidak menafikan hak-hak pekerja mahupun majikan untuk berkesatuan

dan menikmati hak untuk diwakili serta hak untuk mengadakan perundingan kolektif. Undang-undang dan peraturan-peraturan ini perlu dikekalkan untuk mewujudkan perhubungan perusahaan yang harmoni, dan memastikan kepentingan negara dan rakyat tidak diabaikan.

Kerajaan juga berpandangan undang-undang dan peraturan yang sedia ada adalah cukup baik dan efektif bagi memastikan kesatuan-kesatuan sekerja berfungsi secara sihat, demokratik dan bertanggungjawab.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)
TARIKH : 11.11.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah proaktif dalam membantu pelajar lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi khususnya di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk membantu semua murid tanpa sebarang pengecualian termasuklah para pelajar lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah Kerajaan mengumumkan bahawa STAM adalah setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), calon yang menduduki STAM mempunyai peluang yang lebih luas untuk mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Disamping itu, lulusan STAM juga berpeluang belajar di universiti Al Azhar dan institusi pengajian tinggi luar negara yang lain.

Pihak KPM juga sedang berusaha untuk memperluaskan STAM di peringkat serantau terutamanya di negara-negara ASEAN agar Malaysia menjadi hub pengiktirafan supaya pelajar di negara-negara ASEAN yang ingin melanjutkan pelajaran ke Universiti Al Azhar perlu menduduki STAM. Pada masa ini terdapat pelajar dari negara ASEAN seperti Indonesia, Brunei, Thailand dan Kemboja yang telah pun menduduki peperiksaan ini.

Pengisytiharan STAM sebagai setaraf dengan STPM oleh Kerajaan telah meningkatkan lagi imej sekolah agama dan memberi peluang pelajar agama melanjutkan pelajaran dan memohon peluang pekerjaan dalam skim perkhidmatan awam.

SOALAN NO : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ZAHRAIN BIN
MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009 (RABU)

SOALAN :

DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa terdapat jalan raya yang baru tiga tahun diturap dan dinaik taraf sudah rosak sedangkan kosnya menelan belanja berjuta-juta ringgit, seperti keadaan jalan raya Sabak Bernam-Klang di Selangor. Adakah syarikat yang membinanya telah mematuhi piawai atau tidak. Jika tidak adakah tindakan diambil terhadap syarikat terbabit.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerosakan sesebuah jalan raya yang baru siap dinaik taraf adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut :

- i) Struktur tanah di kawasan berkenaan yang terdiri daripada tanah yang tidak stabil.
- ii) Kenderaan berat melebihi muatan yang dibenarkan.
- iii) Sistem perparitan yang tidak sempurna.
- iv) Bahan binaan dan pembinaan tidak mengikut spesifikasi
- v) Hayat rekabentuk hampir atau telah tamat.
- vi) Rekabentuk jalan yang tidak memenuhi piawaian.

Bagi jalan (Jalan FT 5, Sabak Bernam-Klang) yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, punca kerosakan yang telah dikenal pasti adalah disebabkan oleh struktur tanah yang tidak stabil. Struktur tanah di kawasan berkenaan adalah terdiri daripada tanah jenis gambut. Struktur tanah gambut ini mempunyai kapasiti beban galas yang lemah yang mana memerlukan kos yang tinggi untuk kerja-kerja penstabilan tersebut. Pihak kontraktor yang telah melaksanakan projek ini telah pun mematuhi sepenuhnya piawaian serta spesifikasi yang ditetapkan oleh JKR.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian telah mengenalpasti kawasan yang berlaku masalah pemendapan ini dan telah mengambil

tindakan segera untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara '*mill & pave*' antara Seksyen 505 hingga Seksyen 550. Kerja-kerja menaiktaraf dan selenggara ini sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN AARON AGO ANAK
DAGANG
KAWASAN : KANOWIT
TARIKH : 11.11.2009 (ISNIN)

YB. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan dasar import kereta luar Negara, jumlah kereta yang diimport setiap tahun dan berapakah kos yang perlu dibayar untuk AP kereta.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Lesen Import (AP) bagi kenderaan dikategorikan kepada dua iaitu AP Terbuka dan AP Francais dan had bumbung bagi kedua-dua kategori adalah berdasarkan 10% daripada jumlah pengeluaran kenderaan (TIV) tahun sebelumnya. Dasar semasa bagi AP Terbuka dan AP Francais adalah seperti berikut:

(i) AP Terbuka

- Pemegang AP Terbuka dibenarkan mengimport semua jenis kereta baru dan terpakai dari mana-mana sumber di luar negara kecuali 20 jenama kereta baru yang dikenakan syarat sekatan import;
- had usia kenderaan terpakai yang dibenarkan import adalah 1 hingga 5 tahun; dan
- kelulusan AP Terbuka kepada permohonan-permohonan baru telah dibekukan sejak 1988.

(ii) AP Francais

- Pemegang AP Francais hanya dibenarkan mengimport kenderaan baru secara terus dari syarikat pengeluar di luar negara bagi jenama-jenama tertentu berdasarkan perjanjian Francais;
- kelulusan AP Francais bagi jenama baru dibekukan sejak 2006. Hanya pengambilan alih hak francais daripada syarikat sedia ada dibenarkan; dan
- pengimportan kenderaan baru oleh pemegang Francais dari negara ASEAN tidak dikenakan sekatan kuantiti mulai 1 Januari 2007.

Tuan yang Di Pertua,

Bagi tempoh lima tahun bermula 2005 sehingga 5 Oktober 2009, jumlah Lesen Import (AP) kenderaan (AP Terbuka dan AP Francais) yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah AP Keluar (unit)</u>
2005	57,267
2006	38,545
2007	27,838
2008	40,886
2009 (sehingga <u>5 Oktober 2009</u>)	18,354

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang pembayaran yang dikenakan untuk mendapatkan AP. Syarikat-syarikat pemegang AP perlu mengemukakan Borang Kastam JK69 yang boleh diperolehi daripada Percetakan Nasional Berhad.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN FONG PO KUAN**
TARIKH : **11 NOVEMBER 2009 (RABU)**
NO. SOALAN : **20**

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan keseriusan masalah penjualan sijil, diploma dan ijazah pendidikan oleh Kolej dan Institusi Pengajian Tinggi. Senaraikan jenis kesalahan yang boleh mengakibatkan institusi itu disenarai hitam. Apakah bentuk perlindungan hak kepada pelajar-pelajar yang tidak berpuas hati dengan perjalanan kursusnya atau menjadi mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Oktober 2009, Kementerian tidak menerima sebarang aduan tentang penjualan sijil, diploma atau ijazah oleh IPT tempatan. Pengurniaan sebarang kelayakan oleh IPTA perlu terlebih dahulu mendapat perakuan Senat IPTA yang akan memastikan bahawa seseorang pelajar itu telah tamat pengajian dengan jayanya dan memenuhi kesemua kriteria akademik yang telah ditentukan di dalam syarat-syarat untuk bergraduasi bagi sesuatu program pengajian. Manakala pengurniaan sijil, diploma dan ijazah kepada pelajar IPTS pula perlu memenuhi tahap minimum dan akreditasi yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Tuan Yang Di Pertua,

Di antara kesalahan-kesalahan IPTS yang boleh dikenakan hukuman di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) termasuk:-

- i. IPTS berpindah premis tanpa mendapat kelulusan Ketua Pendaftar;
- ii. IPTS mengendalikan kursus pengajian atau program latihan sebelum memperolehi kelulusan Menteri;
- iii. IPTS tidak memberi notis tentang niatnya untuk menutup perniagaannya;
- iv. seseorang yang mengeluarkan iklan, prospektus, risalah atau selainnya bagi menganjurkan IPTS tanpa mendapat kelulusan penubuhan IPTS;
- v. mana-mana pemohon atau IPTS yang membuat pernyataan palsu semasa memohon bagi menubuhkan IPTS; dan
- vi. IPTS yang digunakan bagi aktiviti tak sah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesebuah IPTS yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada perundangan-perundangan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta yang relevan dengan penubuhan IPTS. Oleh itu, hak-hak pelajar sememangnya dilindungi dan jika sekiranya terdapat perkara yang menyalahi peraturan, maka pelajar boleh mengemukakan aduan kepada Kementerian dan tindakan boleh diambil terhadap IPTS terbabit.

NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)
TARIKH : 11.11.2009
NO. SOALAN : 21

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan yang telah yang telah diambil dan akan diambil bagi mengawal atau pun mengatasi masalah kekurangan bekalan bekalan gula apabila menjelang sesuatu perayaan besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapat bekalan barangan yang mencukupi menjelang musim perayaan. Kerajaan telah menambah sebanyak 20% kuota pengeluaran gula bagi menampung keperluan tambahan musim perayaan pada bulan Ogos dan September 2009. Kerajaan juga menjalankan pemantauan secara berkala bagi memastikan bekalan gula mencukupi di pasaran.

Penguatkuasaan telah dipertingkatkan dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasa seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP). Kawalan di sempadan negara juga diperketatkan bagi melarang eksport gula keluar dari Malaysia

Tindakan tegas telah diambil terhadap pemborong yang ingkar dan menyorok gula dengan menarik balik lesen borong gula dengan serta merta. Pembekuan pengeluaran lesen borong gula dan pembekuan penambahan kuantiti simpanan gula kepada syarikat-syarikat pemborong berkuatkuasa serta-merta. Hanya koperasi yang terlibat dalam pengedaran barangan adalah dikecualikan daripada pembekuan permohonan lesen baru.

Disamping itu, Kerajaan menguatkuasakan lesen runcit gula bagi peniaga yang beroperasi dalam lingkungan 10km dari sempadan Malaysia berkuatkuasa 1 September 2009. Ini dapat membantu pihak penguatkuasa dalam mengawal peruncit yang menyimpan gula secara berlebihan.

Kerajaan juga telah menempatkan pegawai Kementerian di kilang-kilang gula bagi memantau pengeluaran dan pengedaran untuk memastikan bekalan gula dihantar sampai ke destinasi.

Syarikat yang menggunakan gula bagi menghasilkan produk untuk eksport adalah dilarang membeli gula bersubsidi daripada pemborong sebaliknya membeli terus daripada kilang gula yang dilesenkan dengan harga pasaran semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)
TARIKH : 11.11.2009
NO. SOALAN : 22

TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilakah stesen-stesen NGV akan didirikan di Sarawak supaya kenderaan-kenderaan perdagangan seperti pemandu-pemandu teksi dan bas sekolah boleh menikmati penjimatan kos perniagaan mereka. Apakah sebabnya stesen-stesen NGV masih belum diadakan di Sarawak sedangkan ia telah lama wujud di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tujuan Kerajaan memperkenalkan Gas Asli Kenderaan (NGV) adalah sebagai bahan bakar alternatif bagi kenderaan di negara ini. Pihak Petronas dari semasa ke semasa giat menjalankan kajian dan analisa bagi mengenal pasti tapak yang sesuai bagi mendirikan stesen NGV. Pada masa kini sebanyak 128 buah stesen NGV telah beroperasi di seluruh

negara. Manakala 72 buah stesen lagi dalam peringkat analisa kesesuaian tapak dan pembangunan serta dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2010.

Di Sarawak, terdapat dua buah stesen NGV yang sedang dalam peringkat pembangunan iaitu di Miri dan Bintulu. Kedua-dua buah stesen NGV ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2010. Pihak Petronas memaklumkan bahawa bagi negeri Sarawak hanya dua buah stesen NGV sahaja yang dapat dibina disebabkan oleh saluran paip gas yang terhad.

NO. AUM : 7

NO. AUP : 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP
BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 2104

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada dokumen surat beranak adalah cukup dan memadai untuk proses pengeluaran kad pengenalan mengikut "National Registration Regulation 1990" tanpa dokumen itu disahkan oleh mahkamah.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tuanan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dokumen surat beranak (Sijil Lahir) adalah cukup dan memadai untuk proses pengeluaran kad pengenalan mengikut National Registration Regulation 1990 tanpa dokumen itu disahkan oleh mahkamah. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang ditetapkan dibawah Peraturan 3,13,14,18 atau 28, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Walau bagaimanapun, **bagi permohonan Kad Pengenalan yang menggunakan Sijil Kelahiran Pendaftaran Lewat Sabah adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Seksyen 22(3) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sabah Cap.123) yang menyatakan bahawa, Sijil Kelahiran Pendaftaran Lewat Sabah hendaklah disahkan oleh Mahkamah Majistret Kelas Pertama Negeri Sabah sebelum sijil itu dapat digunapakai untuk urusan rasmi termasuklah permohonan Kad Pengenalan.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa banyak kes tertunggak di mahkamah dan apakah langkah bagi mengatasinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes yang tertunggak setakat Julai 2009 adalah seperti yang dinyatakan di dalam 'Lampiran A'.

Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kes-kes tertunggak adalah seperti berikut :

- 1) Melantik Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman dan Pegawai-pegawai Kehakiman.

- 2) Memperkenalkan Case Management System (CMS) bag memastikan kes-kes sivil dan jenayah dibicarakan secara lebih teratur dan bersistematik.
- 3) Melaksanakan system Court Recording Transcription (CRT) di Mahkamah-mahkamah di mana prosiding perbicaraan direkodkan secara elektronik.
- 4) Tidak membenarkan penagguhan kes-kes oleh mana-mana pihak tanpa sebab-sebab dan alasan-alasan yang munasabah.

Bagi Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret Seluruh Malaysia Dari Januari Hingga Julai 2009

Mahkamah	SIVIL				JENAYAH			
Mahkamah Tinggi	60703	7324	9683	58344	3486	446	472	3460
Mahkamah Sesyen	96098	87991	99069	85020	10042	25640	25559	10123
Mahkamah Majistret	153791	187488	226097	115182	291055	434972	437964	288063
Jumlah Keseluruhan	310592	282803	334849	258546	304583	461058	463995	301646

NO. AUM : 13

NO. AUP : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 2105

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan yang menjalani hukuman penjara seumur hidup setakat 30hb September 2009. Adakah Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang berkenaan hukuman tersebut. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebab.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gelugor** yang mengemukakan pertanyaan.

Berdasarkan statistik yang berakhir pada 30 September 2009 terdapat seramai 80 orang banduan yang sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup. Pindaan terhadap Akta Keadilan Jenayah yang berkuatkuasa 7 September 2009 telah menetapkan hukuman penjara seumur hidup adalah 30 tahun dan bukan lagi 20 tahun sepertimana sebelum ini.

Pada ketika ini semua banduan hukuman penjara seumur hidup adalah merujuk kepada banduan yang tempoh hukuman mereka adalah 20 tahun kerana terlibat melakukan kesalahan sebelum pindaan di atas berkuatkuasa.

Sehubungan itu Kementerian Dalam Negeri tidak mengemukakan sebarang pengesyoran untuk meminda hukuman tersebut kerana ia baru dipinda dan dikuatkuasakan dalam tempoh kira-kira 2 tahun sahaja.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
(KAPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.11.2009

SOALAN NO. : 26

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram (Kapar) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat swasta yang telah *dibailout* sejak tahun 1997 sehingga kini. Nyatakan jumlah yang telah disalurkan kepada mereka, bentuk pemberian jumlah dikutip semula serta sumber-sumber kewangan. Daripada jumlah tersebut, berapa banyakkah jumlah yang diambil daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta bagaimana wang tersebut bermanfaat daripada usaha ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada dasarnya, sesuatu keputusan untuk mengambil alih sesebuah syarikat oleh Kerajaan adalah dibuat atas kepentingan negara iaitu:

- i. syarikat tersebut beroperasi di dalam industri yang dikenal pasti sebagai sektor strategik kepada negara; dan

- ii. kegagalan syarikat ini akan memberi kesan negatif terhadap ekonomi negara.

2. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa sebarang pengambil alihan syarikat oleh Kerajaan tidak akan memberi keuntungan kepada mana-mana pihak yang terlibat di dalam transaksi tersebut. Pengambil alihan syarikat pada masa yang lepas oleh Kerajaan bukannya satu langkah bailout tetapi dibuat untuk mengukuhkan semula kedudukan kewangan syarikat strategik demi kepentingan negara. Di antara syarikat yang terlibat sejak tahun 2007 adalah seperti berikut:

- i. Malaysian Airline System Berhad (MAS)

Pada 20 Disember 2000 Menteri Kewangan Diperbadankan telah membeli 224,000,000 unit saham MAS pada harga RM8 daripada Naluri Berhad berjumlah RM1,792,000,000. Bayaran bagi pembelian saham tersebut dibuat melalui peruntukan Pembangunan Kerajaan. Berikutan pembelian saham tersebut, Menteri Kewangan Diperbadankan memegang 29.09% saham MAS.

- ii. Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)

Sejak Kerajaan mengambil alih IWK pada tahun 2000, Kerajaan telah menyalurkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman dan subsidi. Jumlah pinjaman dalam bentuk *Government Soft Loan* yang telah diberikan kepada IWK adalah sebanyak RM925 juta dan bayaran balik oleh IWK akan bermula pada tahun 2011. Sebanyak RM917.4 juta pula telah disalurkan dalam bentuk subsidi kepada IWK sejak tahun 2001 sehingga tahun 2009.

- iii. Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana)

3. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada syarikat-syarikat tersebut, tidak ada peruntukan yang diambil dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2009)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP)

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah tindakan yang telah diambil terhadap umat Islam yang terlibat di dalam perjudian lumba kuda dari 2004 hingga 2008 di negeri Pulau Pinang, Perak dan Kuala Lumpur.

JAWAPAN : (Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada umat Islam yang ditangkap dan disabitkan di atas **kesalahan judi lumba kuda** pada tahun 2004 hingga tahun 2008. Jenis kesalahan berjudi yang dicatatkan adalah melibatkan **orang Islam yang membeli tiket judi** atau berada di premis judi seperti di premis judi Magnum 4D dan Sport Toto.

Di Wilayah Persekutuan, seramai **106** orang Islam ditangkap kerana kesalahan berjudi dari tahun 2004 hingga 2008. Daripada jumlah itu, seramai 20 orang ditangkap pada tahun 2004, 10 orang pada tahun 2005, 52 orang pada tahun 2007 dan 19 orang pada tahun 2008.

Di Pulau Pinang pula, seramai **142** orang Islam ditangkap kerana kesalahan berjudi pada tahun 2004 hingga 2008. Daripada jumlah itu, seramai 26 orang ditangkap pada tahun 2004, 18 orang pada tahun 2005, 38 orang pada tahun 2007, 60 orang pada tahun 2008, dan tidak ada tangkapan dilakukan pada tahun 2006.

Manakala di Perak, seramai **638** orang Islam ditangkap kerana kesalahan berjudi pada tahun 2004 hingga 2008. Daripada jumlah itu, seramai 20 orang ditangkap pada tahun 2004, 208 orang pada tahun 2006 dan 410 orang pada tahun 2007 dan tidak ada tangkapan dilakukan pada tahun 2005 dan 2008.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI [TITIWANGSA]**

TARIKH : RABU, 11 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 07

SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titivangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

apakah kedudukan Keramat Mall yang masih tidak digunakan serta apakah penambahbaikan yang dibuat DBKL untuk memenuhi permintaan peniaga-peniaga bagi disesuaikan dengan keperluan perniagaan mereka dan tempat parkir yang sangat kurang yang boleh menyebabkan kesesakan di jalan-jalan berhampiran dan berapakah kos asal dan kos tambahan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, *Keramat Mall* yang terletak di Kampung Dato' Keramat adalah sebuah kompleks pasar dan perniagaan moden setinggi 4 tingkat yang mengandungi pasar awam, gerai berkunci, medan selera, dewan keramaian, surau, bank, pejabat pos, tandas dan tempat letak kereta. Kompleks ini telah pun siap dari segi pembinaan fizikalnya. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi di bawahnya yakni Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memantau perkembangan status pembinaan projek ini bagi memastikan prasarana yang ditawarkan adalah **selaras dengan kehendak dan keperluan para peniaga yang bakal berniaga di pasar tersebut**. Terletak di atas sebidang tanah seluas 4.7 hektar, projek *Keramat Mall* menelan belanja sebanyak **RM49 juta**.

Saya telah melakukan tinjauan di *Keramat Mall* pada 21 Mei lalu dan telah diberikan taklimat oleh pihak DBKL dan kontraktor yang terbabit serta mengadakan dialog dengan para peniaga. Lanjutan daripada itu, Kementerian Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk melakukan beberapa penambahbaikan bagi memberikan keselesaan dan kemudahan kepada peniaga dan pengguna pasar tersebut. Kerja-kerja penambahbaikan yang

menelan belanja sebanyak **RM6 juta itu** membabitkan langkah-langkah berikut :

- i) **membina 'ramp'** dari ruang memunggah ke bahagian dalam pasar basah;
- ii) **menambah keluasan gerai** ayam/daging/sayur;
- iii) **mengurangkan ketinggian dinding pemisah** di antara gerai ikan/ayam/daging;
- iv) **membina dinding kaca** di unit-unit tepi;
- v) **menambah keluasan tempat meletak dapur** untuk gerai makan (bagi tujuan memuatkan 2 unit dapur);
- vi) mengujudkan **ruang pemunggahan kedua**;
- vii) **memecah dinding-dinding** di bahagian laluan perkhidmatan (service lane) di pasar awam;
- viii) **mengubah lokasi peti penyejuk (*chiller*) daging** ke bahagian tepi gerai;
- ix) **menambah kaunter peragaan (*display counter*)** di gerai daging; dan
- x) **membina jejambat pejalan kaki** dari stesen LRT Damai ke Kompleks Pasar.

Sukacita dimaklumkan *Keramat Mall* akan mula beroperasi pada awal Disember 2009 setelah peniaga-peniaga pasar kering berpindah ke kompleks pasar baru itu.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai tempat letak kereta pula, sebanyak **153** petak letak kereta telah dibina di dalam bangunan manakala **60** unit lagi disediakan di luar bangunan *Keramat Mall*. DBKL sedar masalah kekurangan tempat letak kereta boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas berlaku dan telah merancang untuk menambah bilangan tempat letak kereta dengan membina tempat letak kereta bertingkat yang baru.

Dalam pada itu, hasil perbincangan dengan para peniaga pada bulan Jun 2009, Kementerian Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk membina **sebuah blok baru** setinggi 5 tingkat bersebelahan *Keramat Mall* untuk kegunaan peniaga pasar basah. Bangunan tambahan ini, termasuk kos pengambilan tanah, akan menelan belanja **RM 15 juta** dengan tingkat bawahnya dikhaskan untuk kegunaan pasar basah manakala empat tingkat di bahagian atas adalah untuk tempat letak kereta. Bangunan baru ini dijangka akan siap pembinaannya pada penghujung **2011**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : **11 NOVEMBER 2009 (RABU)**

SOALAN : **19 29**

Pn. Hajah Zuraida Kamaruddin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- a. adakah Kerajaan akan menukar sistem keretapi komuter yang mempunyai masa menunggu yang lama dan tidak efisien; dan
- b. jika tidak, adakah kerana Kerajaan akan menaik taraf mutu pengangkutan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a. Kerajaan sedang merangka perolehan set tren baru bagi meningkatkan kapasiti dan mutu perkhidmatan Kommuter.
- b. Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan tren Komuter, KTMB telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pengangkutan untuk pembelian 50 set *Electric Multiple Unit* (EMU) baru (3 koc setiap set) dan membaikpulih 33 set EMU sedia ada di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) bagi menampung peningkatan perkhidmatan di Lembah Klang. Di samping itu juga, KTMB sedang melaksanakan program membaikpulih 25 set EMU dan kerja membaik pulih ini dijangka selesai pada September 2010. Dengan adanya tambahan set EMU yang akan diterima secara berperingkat-peringkat, kekerapan perkhidmatan sedia ada iaitu 15 minit pada waktu puncak dapat ditingkatkan kepada 7.5 minit pada waktu puncak pada tahun 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 11 November 2009

**SOALAN [42] : Y.B. Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan (Kota
Belud) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
apakah tindakan Kementerian yang perlu diambil
untuk memastikan media Indonesia tidak mengapi-
apikan semangat anti-Malaysia di kalangan rakyat
Indonesia.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kota Belud atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Perwakilan-Perwakilan Malaysia di Indonesia sentiasa memantau laporan media negara tuan rumah dan mengambil tindakan segera dalam memperbetulkan sebarang tuduhan dan tohmahan yang tidak berasas, termasuk yang boleh mengapi-apikan sentimen anti-Malaysia.

3. Kebelakangan ini, diperhatikan laporan media Indonesia terhadap Malaysia lebih bercorak negatif. Ini menunjukkan media negara tersebut kurang peka dengan hubungan baik sedia ada di antara Malaysia-Indonesia dan usaha-usaha murni yang diambil bersama oleh kedua buah negara dalam memaju dan memperkembangkan hubungan dua hala.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Sehubungan ini, saya ingin maklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Perwakilan-perwakilannya dan agensi-agensi Kerajaan Malaysia yang lain di Indonesia telah dan akan terus mempergiatkan usaha penerangan melalui program diplomasi awam dan saluran-saluran yang lain, menggalakkan pertemuan (engagement) dan kerjasama antara pemimpin-pemimpin kedua buah negara bagi memupuk dan memelihara hubungan baik. Penyebaran berita mengenai hubungan baik dan usaha kedua buah negara dalam mempertingkatkan lagi hubungan dua hala akan terus dilakukan. Sasaran utama program tersebut termasuk golongan media tempatan yang sering mensensasikan isu-isu menyentuh hubungan antara kedua buah negara.

5. Disamping itu, Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta juga telah meningkatkan kerjasama rapat dengan pihak agensi Kerajaan Indonesia yang berkaitan dalam mewar-warkan usaha gigih kedua belah pihak untuk memperkukuhkan hubungan baik kedua buah negara. Kementerian juga sedang merancang usaha bersama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan Yayasan Malaysian Press Institute (MPI) untuk meningkatkan program hubungan media melalui pertukaran lawatan dan maklumat di antara media Malaysia dan Indonesia.

6. Kementerian Luar Negeri juga sentiasa mengambil langkah-langkah penambahbaikan kepada usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang telah diambil dalam meningkatkan lagi pemahaman dan persepsi yang betul terhadap Malaysia di kalangan rakyat Indonesia.

Terima kasih.


Disediakan oleh :



.....
Encik Saiful Azwar Ismail

PSU Jabatan Penerangan dan Diplomasi Awam


Disemak oleh :



.....
Dato' Than Tai Hing

SUB Jabatan Penerangan dan Diplomasi Awam

Diluluskan oleh :



.....
Dato' Mohd Radzi Abdul Rahman
Timbalan Ketua Setiausaha I

Kementerian Luar Negeri

Tarikh : 12 Oktober 2009

NO. AUM : 29

NO. AUP : 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2009
RUJUKAN : 2106

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota PDRM yang ditugaskan untuk melarang dan mengepung warga-warga Malaysia yang menyertai Himpunan Mansuh Akta ISA pada 1 Ogos 2009 dan nyatakan bilangan berdasarkan pecahan kategori FRU, SB, polis beruniform, polis trafik dan kategori-kategori yang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, seramai 663 orang anggota polis telah ditugaskan dalam kejadian Himpunan Mansuhkan ISA yang berlaku pada 1 Ogos 2009. 2/3 daripada jumlah tersebut, iaitu kira-kira 442 orang anggota polis telah diarahkan untuk bersiap sedia (*standby*) di beberapa lokasi yang ditetapkan di sekitar Kuala Lumpur.

Tuan Yang Dipertua,

Seramai 182 orang anggota dari Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) telah ditugaskan untuk menyuraikan perhimpunan. Dari Cawangan Trafik pula, seramai 22 orang pegawai dan anggota telah ditugaskan untuk mengawal kelancaran dan keselamatan lalu lintas di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti di sekitar Kuala Lumpur. Manakala bilangan anggota beruniform yang ditugaskan ialah seramai 187 orang.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2009)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AB. AZIZ
BIN AB. KADIR (KETEREH)**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengatasi tanggapan atau persepsi yang agak negatif terhadap konsep dan falsafah perundangan Islam, khususnya di kalangan rakyat Malaysia sendiri.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengatasi tanggapan negatif terhadap konsep dan falsafah perundangan Islam di negara ini. Justeru itu, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah sedaya upaya menjalankan amanah sebagai salah sebuah agensi pusat berorientasikan perundangan Islam. Antaranya, satu majlis penerangan yang dikenali sebagai Majlis Mahabbah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Peringkat Negeri. Telah ditubuhkan pada tahun 2006. Majlis ini dianjurkan secara berkala iaitu empat (4) kali setahun, secara bergilir ke semua negeri. Objektif penganjuran Majlis Mahabbah ini adalah : -

- 1) untuk mempromosi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sebagai sebuah agensi induk berperanan menerajui keadilan Institusi Kehakiman Syariah Malaysia ;
- 2) untuk menyampaikan penjelasan tentang isu-isu semasa berkaitan JKSM dan Mahkamah Syariah ;
- 3) untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat tentang fungsi dan objektif JKSM dan Mahkamah Syariah dalam usaha memartabatkan sistem perundangan Syariah ;

- 4) sebagai medium terbaik untuk Jabatan menyampaikan mesej-mesej yang berkaitan dengan undang-undang / peraturan dan tatacara Mahkamah Syariah ;
- 5) sebagai saluran terbaik untuk memperkenalkan perkhidmatan / produk yang ditawarkan oleh Jabatan dan Mahkamah Syariah ;
dan
- 6) untuk merealisasikan hasrat kerajaan ke arah peningkatan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Penganjuran program ini akan menaikkan lagi imej Kerajaan dan JKSM dan Mahkamah Syariah yang kini sedang dalam usaha memartabatkan sistem perundangan syariah di negara ini. Di samping itu, dapat mempertingkatkan lagi perhubungan, persefahaman dan kerjasama di antara JKSM dan semua ahli masyarakat, pertubuhan-pertubuhan wanita dan media massa.

Program ini juga merupakan program yang dikendalikan bagi menyampaikan mesej-mesej penerangan dan menjelaskan isu-isu berkaitan perundangan dan Mahkamah Syariah. Berdasarkan itu, program ini ialah satu aktiviti yang sangat penting dan berpengaruh dalam memberi penjelasan mengenai hak-hak wanita di sisi sistem perundangan syariah. JKSM akan lebih berwibawa dan mendapat keyakinan jika masyarakat khususnya kaum wanita di Negara ini memahami peranan dan fungsi JKSM dan Mahkamah Syariah.

Maklumat yang disalurkan melalui program ini boleh mengubah perspektif negatif masyarakat terhadap Mahkamah Syariah dan mengubah tanggapan negatif terhadap perundangan Islam. Program ini juga mampu membantu menjelaskan isu-isu yang kabur dan membetulkan kefahaman masyarakat. Adalah menjadi harapan melalui program penjelasan / penerangan ini akan membantu JKSM dan warga kerja Mahkamah Syariah untuk melaksanakan program dengan lebih efektif demi mewujudkan masyarakat yang berinformasi dan harmoni.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
(BALIK PULAU)**

TARIKH : 11.11.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan kriteria dan syarat-syarat kemasukan pelajar ke sekolah berasrama penuh dan MRSM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan kriteria dan syarat bagi kemasukan pelajar ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti yang berikut:

- 1) Warganegara Malaysia;
- 2) Lulus pemeriksaan kesihatan oleh doktor yang bertauliah, sihat tubuh badan dan bebas daripada sebarang penyakit kronik, penyakit lelah atau penyakit berjangkit;
- 3) Bersetuju menerima Sekolah Berasrama Penuh yang ditawarkan dan menerima aliran yang ditetapkan;
- 4) Bersetuju memenuhi sepenuhnya semua peraturan dan arahan Sekolah Berasrama Penuh yang berkaitan.

Bagi permohonan Tingkatan Satu (1) selain daripada syarat-syarat yang telah dimaklumkan, terdapat syarat tambahan iaitu:

- 1) Murid dari Sekolah Kebangsaan (SK);
- 2) Memperoleh 5A atau 4A 1B dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dengan mata pelajaran Matematik dan Sains memperoleh gred A; dan
- 3) Aktif dalam kokurikulum.

Bagi permohonan Tingkatan Empat (4) selain daripada syarat-syarat yang telah dinyatakan, terdapat syarat tambahan iaitu:

- 1) Murid daripada Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan;
- 2) Kelayakan akademik PMR memperoleh sekurang-kurangnya gred A bagi enam (6) mata pelajaran tidak termasuk mata pelajaran Bahasa Asing / Bahasa Antarabangsa, mesti memperoleh gred A bagi mata pelajaran Matematik dan Sains dan memperoleh sekurang-kurangnya gred B bagi mata pelajaran yang lain; dan
- 3) Aktif dalam kokurikulum

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan murid ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) bukan di bawah bidang kuasa KPM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **Dato' Mohd Jidin bin Shafee**
[Setiu]
- TARIKH** : **Rabu, 11 November 2009**
- SOALAN [34]** : **Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah usaha yang telah
diambil bagi menangani isu
kerenggangan hubungan antara
Malaysia dan Indonesia berikutan
beberapa isu yang berlaku sebelum ini
serta apakah langkah-langkah
Kerajaan dalam memperbetulkan
persepsi media Indonesia terhadap
Malaysia

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua

Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Y.B. Lawas bertarikh 29 Oktober 2009 bersama soalan daripada Y.B. Lanang dan Y.B. Pasir Puteh bertarikh 4 November 2009, Y.B. Kota Belud dan Y.B. Setiu bertarikh 11 November 2009, Y.B. Batu bertarikh 16 November 2009, Y.B. Bukit Katil bertarikh 1 Disember 2009, Y.B. Kalabakan dan Y.B. Kinabatangan bertarikh 3 Disember 2009, Y.B. Sabak Bernam bertarikh 8 Disember 2009 serta Y.B. Sungai Siput bertarikh 15 Disember 2009, kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan hubungan dengan negara-negara serantau, terutamanya dengan Indonesia. Hubungan dan kerjasama yang erat di antara kedua-dua negara telah diterjemahkan dengan berlangsungnya kekerapan pertukaran lawatan, baik di peringkat tertinggi mahupun di peringkat pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Di peringkat pemimpin dan kerajaan, Rundingan Tahunan dan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (*Joint Commission Meeting – JCM*) di peringkat tertinggi merupakan dua mekanisme yang telah dilaksanakan untuk memantapkan hubungan di antara

kedua-dua negara. Mekanisme-mekanisme lain yang telah digunakan untuk mengukuhkan lagi persahabatan antara Malaysia dan Indonesia termasuk mesyuarat-mesyuarat seperti Jawatankuasa Sosio Ekonomi, Jawatankuasa Sempadan Bersama dan Jawatankuasa Am Sempadan. Kementerian Luar Negeri yakin rundingan dan mesyuarat tersebut merupakan mekanisme penting untuk kedua-dua negara berunding dan mencari jalan penyelesaian kepada sebarang masalah dan isu-isu berbangkit demi kemakmuran dan keamanan kedua-dua negara.

4. Di peringkat antara rakyat (*people-to-people*), Kementerian Luar Negeri serta Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di Indonesia sering menyelaras program-program sosial dan budaya yang dianjurkan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat dan rakyat kedua-dua negara. Program-program sedemikian ternyata telah memberi kesan yang positif dalam hubungan antara rakyat di kedua-dua negara.

5. Di samping itu, Kementerian Luar Negeri juga melaksanakan berbagai-bagai usaha-usaha lain di pelbagai peringkat yang telah menyumbang ke arah hubungan antara Malaysia dan Indonesia yang secara keseluruhannya kekal mesra dan akrab. Antara usaha-usaha tersebut termasuklah:

- i. Meneruskan momentum dalam rundingan bagi mencapai penyelesaian yang saksama untuk kedua-dua negara dalam isu-isu persempadanan;
- ii. Mempertingkatkan lagi perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara;

- iii. Menyeruskan usaha dalam melindungi hak pekerja-pekerja warga asing termasuk juga dari Indonesia berteraskan kepada peraturan dan undang-undang negara Malaysia;
- iv. Menggalakkan interaksi dan dialog antara komuniti media Malaysia dan Indonesia; dan
- v. Mengukuhkan persefahaman berdasarkan kepada persahabatan, hubungan sejarah dan budaya yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara sejak zaman-berzaman melalui pertukaran program antara stesen radio dan televisyen Malaysia dan Indonesia.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Walaupun pelbagai usaha telah dizahirkan oleh kedua-dua negara dalam memupuk hubungan yang sedia ada, kita tidak dapat menafikan bahawa adanya segelintir individu dan golongan yang dengan sengajanya mahu mengusik serta menggugat keharmonian persahabatan kedua-dua negara ini. Bertautnya elemen-elemen negatif inilah yang menyebabkan tercetusnya beberapa isu yang boleh dilihat sebagai mencabar hubungan mesra dan akrab di antara kedua-dua negara ini. Oleh itu, Kementerian Luar Negeri telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif segera melalui saluran diplomatik yang sedia ada dengan mengenal pasti perkara-perkara yang berbangkit dan menyelesaikannya secara halus dengan pihak-pihak yang berhubung kait dengan isu yang timbul.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Isu-isu yang telah mencuit kembali kebencian dan menyemarakkan sentimen anti-Malaysia di kalangan rakyat Indonesia terhadap Malaysia adalah seperti isu "Tarian Pendet", tuntutan Malaysia ke atas Pulau Jemur penderaan pembantu rumah warga Indonesia dan isu tenaga kerja Indonesia. Provokasi-provokasi melampau dari segelintir pihak di Indonesia yang bersifat hasutan tersebut telah menyebabkan hubungan baik antara kedua negara mengalami keretakan.

8. Perkara ini lebih diburukkan apabila, sesetengah pihak media Indonesia mengambil kesempatan dengan membakar api kemarahan di Indonesia. Apa yang pada mulanya hanya kelihatan remeh telah menular sehingga menjadi ancaman kepada rakyat Malaysia. Ancaman-ancaman ini telah dibuat dalam pelbagai bentuk termasuk operasi pengusiran (*sweeping*) dan persediaan untuk 'berperang' seperti yang diwar-warkan oleh satu kumpulan masyarakat Indonesia yang menggelarkan diri mereka sebagai Benteng Demokrasi Rakyat (BENDERA).

9. Kementerian Luar Negeri telah mendapati bahawa ada pihak media Indonesia yang tertentu yang telah rata-rata menjadi dalang dalam usaha menyemarakkan kebencian di kalangan rakyat Indonesia terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, sebarang tindakan undang-undang tidak dapat diambil memandangkan pihak media Indonesia adalah bebas dan terbuka untuk mengkritik dan mensensasikan sesuatu isu termasuklah kritikan terbuka dan keras terhadap pemimpin dan pentadbiran Indonesia sendiri.

Tuan Yang Di-Pertua,

10. Kementerian Luar Negeri mendapati bahawa isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak media Indonesia seperti isu "*Tarian Pendet*", tuntutan Malaysia ke atas Pulau Jemur, penderaan pembantu rumah warga Indonesia dan isu tenaga kerja Indonesia sering berdasarkan fakta-fakta yang tidak tepat kerana tidak diselidiki terlebih dahulu. Kementerian Luar Negeri sering mengambil pendekatan untuk menjelaskan fakta yang sebenarnya supaya semua pihak di Indonesia jelas dengan isu yang dilemparkan kepada Malaysia.

11. Kementerian Luar Negeri akur bahawa isu-isu akan terus dimainkan oleh pihak media, segelintir individu dan kumpulan di Indonesia yang mungkin kurang senang dengan hubungan mesra dan akrab Malaysia dan Indonesia. Ini merupakan cabaran kepada kedua-ke dua negara dalam mempertahankan hubungan erat yang sedia terjalin. Di dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri akan meneruskan momentum dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menangani segala permasalahan yang timbul antara kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pegawai dan kakitangan di sektor perkhidmatan awam yang bertaraf kontrak dan sementara. Adakah mereka akan diserap dan diberi keutamaan dalam program pengisian jawatan.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pelantikan pegawai secara kontrak pada asasnya dibuat bagi tempoh yang singkat bagi melaksanakan sesuatu projek atau program tertentu. Terdapat juga jawatan-jawatan tertentu yang perkhidmatannya atas faktor tertentu lebih sesuai dibuat secara kontrak seperti yang terdapat dalam Perkhidmatan Bakat dan Seni seperti skim perkhidmatan Artis Budaya (Penari), pegawai JASA, RELA dan lain-lain di mana jawatan yang diisi bukan bertaraf tetap.

Walau bagaimanapun, terdapat agensi Kerajaan atau Ketua Perkhidmatan yang telah menetapkan jawatan tertentu seperti Pegawai Undang-Undang Gred L41, Jurutera JKR dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 dibuat pelantikan

secara kontrak terlebih dahulu bagi membolehkan penilaian dibuat kepada pegawai berkeñaan sebelum dilantik secara tetap. Bagi memastikan pegawai diberi pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkeñaan, agensi Kerajaan/ Ketua Perkhidmatan berkeñaan telah menetapkan kriteria-kriteria penilaian antaranya:-

- (a) mempunyai prestasi kerja yang cemerlang;
- (b) diperakukan oleh pegawai penyelia;
- (c) melepasi tapisan/ ujian yang disyaratkan; dan
- (d) lulus dalam kursus penilaian.

Urusan penyerapan pegawai kontrak ke jawatan tetap adalah berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan demi menjamin peluang yang adil dan sama rata kepada semua calon yang berkeñayaan.

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah rancangan jangka masa pendek serta jangka masa panjang bersama jumlah peruntukan yang akan diberikan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak demi mengatasi masalah banjir yang serius yang kini sedang berlaku di kawasan Taiping, Larut, Matang dan Selama.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk menangani masalah banjir di kawasan Taiping, Larut, Matang dan Selama.

Dalam jangka pendek, pihak JPS menjalankan pemantauan dan kerja-kerja penyelenggaraan sungai-sungai yang bermasalah. Kerja-kerja penyelenggaraan ini termasuklah menebas, mencuci, mengorek, mendalam dan melebarkan sungai atau membuang kayu dan pokok tumbang yang mengganggu aliran sungai dan dilaksanakan secara berterusan dari tahun ke setahun bergantung kepada peruntukan yang disediakan.

Sehubungan itu, pihak JPS telah membelanjakan sebanyak RM 3.5 juta daripada peruntukan Negeri dan Persekutuan untuk kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan Taiping, Larut, Matang dan Selama pada tahun 2009.

Bagi langkah jangka panjang pula, pihak JPS telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir untuk Daerah Larut Matang dan Selama. Skop kerja-kerja yang dikenalpasti meliputi pengaluran sungai, melebar dan

mendalamkan sungai, membina struktur kawalan hakisan dan pemeliharaan tebing, membina ban untuk menghalang limpahan air sungai, membina semula infrastruktur lama yang tidak menepati keperluan semasa, membina struktur kawalan dasar, dan beberapa program kerja mengikut keperluan semasa.

Sehubungan itu, peruntukan sebanyak RM 11 juta telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Taiping dan peruntukan sebanyak RM 50 juta untuk Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kerian yang melibatkan daerah Larut, Matang dan Selama. Dalam RMKe-9, Rancangan Tebatan Banjir Taiping telah diperuntukan siling sebanyak RM 2.7 juta dan kini sedang dalam pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
(KUALA KRAU)

TARIKH : 11 NOVEMBER 2009

SOALAN : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA
KRAI) meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah
Kerajaan mencadangkan di masa akan datang untuk
mengadakan Sambutan Ulang Tahun Parlimen Malaysia.

JAWAPAN : **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan Sambutan Ulang Tahun Parlimen Malaysia secara tahunan. Pada 1984, Kerajaan telah mengadakan Sambutan Jubli Perak Parlimen Malaysia ke 25 Tahun dan pada tahun ini Sambutan Ulang Tahun Jubli Emas Parlimen Malaysia ke 50 Tahun. Kerajaan mungkin akan mempertimbangkan Sambutan Ulang Tahun Parlimen Malaysia ke 75 Tahun selepas ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.11.2009

SOALAN NO. : 38

Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman (Pendang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah orang-orang Islam yang terlibat sebagai Pengarah syarikat berkaitan arak dan judi di dalam Negara Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 117 orang Pengarah syarikat berkaitan arak yang beragama Islam dan tiada orang-orang Islam yang terlibat sebagai pengarah syarikat judi di negara ini.

No: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
(TANGGA BATU)
TARIKH : 11.11.2009
NO. SOALAN : 39

DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA BATU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dari segi melindungi pengguna-pengguna Islam daripada produk yang tidak halal.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mengambil langkah-langkah yang ketat bagi membanteras penyelewengan pelabelan halal yang meliputi salah guna perbahaasan dan logo halal. Secara khususnya, tindakan yang diambil itu mengikut kuat kuasa Akta Perihal dagangan 1972 dan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahaasan "Halal") 1975. Antaranya langkah-langkah tersebut ialah :-

- (i) meningkatkan kerjasama penguatkuasaan dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN). Bagi maksud ini seramai 79 orang pegawai JAKIM dan JAIN telah diberi kuasa undang-undang di bawah Akta perihal Dagangan 1972 sejak 15 September 2003;
- (ii) menjalankan pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa di samping pemeriksaan yang dibuat berasaskan aduan tentang keraguan tanda halal yang digunakan. Dari tahun 2005 hingga September 2009, sebanyak 35,222 premis telah diperiksa di seluruh negara dan sebanyak 251 kes penyelewengan dikesan dengan nilai rampasan sebanyak RM 5.3 juta.
- (iii) mengkaji semula peruntukan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan “Halal”) 1975 bagi menyesuaikan dengan cadangan yang hanya mengiktiraf logo halal Malaysia sahaja digunakan sebagai perbahasaan halal.

Kementerian mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk melaporkan penyelewengan berhubung salah guna perbahasaan halal atau keraguan mengenai kehalalannya supaya tindakan segera dapat diambil terhadap pihak-pihak yang terbabit.